

Soalan Lazim PeKa B40

Maklumat Umum	
1.	Apakah PeKa B40? <ul style="list-style-type: none">• Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 (PeKa B40) adalah satu inisiatif Kerajaan melalui Kementerian Kesihatan yang bertujuan untuk menampung keperluan kesihatan golongan berpendapatan rendah, dengan memberi fokus terhadap penyakit tidak berjangkit (NCD).• PeKa B40 ditawarkan kepada rakyat Malaysia yang berada dalam lingkungan pendapatan isi rumah 40% terendah, dikenali sebagai kumpulan B40.• Penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) dan pasangan mereka, yang berumur 50 tahun dan ke atas, secara automatik layak menyertai PeKa B40. Tiada pendaftaran khusus diperlukan untuk menyertai PeKa B40.
2.	Mengapakah PeKa B40 diwujudkan? <ul style="list-style-type: none">• Beban Penyakit Tidak Berjangkit Kadar penyakit tidak berjangkit seperti darah tinggi, kencing manis, dan tahap kolesterol tinggi semakin meningkat di kalangan rakyat Malaysia, lebih-lebih lagi dalam kumpulan B40.• Kesihatan Mental 3 daripada 10 orang dewasa menderita masalah kesihatan mental. Kumpulan B40 mencatat kadar yang lebih tinggi, iaitu 32% berbanding 28% bagi kumpulan bukan B40• Beban Kanser Kejadian kanser semakin meningkat. Lebih membimbangkan lagi apabila 60% dikesan pada peringkat lewat, di mana peluang untuk sembuh adalah jauh lebih rendah• Rawatan Kanser Ramai pesakit tidak melengkapkan rawatan kanser dan hanya kembali semula ke hospital apabila sudah tenat. Ini menipiskan peluang sembuh dan meningkatkan kos rawatan.• Kos Alat Perubatan Walaupun rawatan di hospital Kementerian Kesihatan Malaysia diberi subsidi yang tinggi daripada kerajaan, sebahagian kos alat perubatan masih perlu ditanggung oleh pesakit seperti kos untuk perentak jantung, implan untuk tulang belakang, dan sebagainya. Ini mengenakan beban kewangan kepada mereka yang tidak mampu.• Masalah Pengangkutan Ramai pesakit yang kurang berkemampuan, terutamanya dari kawasan pedalaman, tidak meneruskan rawatan akibatkekangan kewangan untuk membayar tambang pengangkutan.
3.	Apakah objektif PeKa B40

	<ul style="list-style-type: none"> PeKa B40 bertujuan untuk menampung keperluan kesihatan golongan berpendapatan rendah, dengan memberi fokus kepada penyakit tidak berjangkit (NCD).
4.	<p>Apakah manfaat PeKa B40?</p> <p>PeKa B40 menawarkan 4 manfaat :</p> <ol style="list-style-type: none"> Saringan Kesihatan Bantuan Alat Perubatan Insentif Melengkapkan Rawatan Kanser Insentif Tambang Pengangkutan
5.	<p>Siapakah yang layak menyertai PeKa B40?</p> <ul style="list-style-type: none"> Penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) dan pasangannya yang berdaftar pada tahun 2019, berumur 50 tahun dan ke atas secara automatik layak menyertai skim ini.
6.	<p>Bagaimana penerima dapat mengetahui kelayakan mereka untuk menyertai PeKa B40?</p> <ul style="list-style-type: none"> Penerima BSH dan pasangannya yang berumur 50 tahun dan ke atas boleh menyemak kelayakan di www.pekab40.com.my bermula Mac 2019 dengan hanya memasukkan nombor MyKad dan kombinasi maklumat lain untuk tujuan keselamatan (cth poskad, no MyKad pasangan, no telefon bimbit).
7.	<p>Adakah penerima PeKa B40 dikenakan sebarang bayaran?</p> <ul style="list-style-type: none"> Tidak. Tiada sebarang bayaran akan dikenakan. Semua manfaat PeKa B40 diberikan secara percuma.
8.	<p>Mengapa PeKa B40 hanya melibatkan kumpulan B40 yang berumur 50 tahun dan ke atas sahaja?</p> <ul style="list-style-type: none"> PeKa B40 bermula sebagai projek perintis dan akan dilaksanakan secara berperingkat. Lebih ramai kumpulan B40 menghidap penyakit tidak berjangkit (NCD) berbanding kumpulan lain (M40 & T20). Ia akan diperluaskan kepada kumpulan yang lain bergantung kepada keberkesanan program ini dan peruntukan kewangan daripada Kerajaan.
9.	<p>Apakah syarat untuk menerima Manfaat 2 (Bantuan Alat Perubatan), Manfaat 3 (Insentif Melengkapkan Rawatan Kanser) dan Manfaat 4 (Insentif Tambang Pengangkutan)?</p> <ul style="list-style-type: none"> Pesakit mestilah penerima BSH dan pasangannya yang berdaftar pada tahun 2019 . Berumur 50 tahun dan ke atas; Telah melakukan Saringan Kesihatan (Manfaat 1); dan Permohonan mestilah dilakukan melalui hospital Kementerian Kesihatan Malaysia sahaja.
10.	<p>Adakah PeKa B40 akan turut melibatkan hospital universiti atau hanya hospital KKM sahaja?</p> <ul style="list-style-type: none"> Buat masa ini, memandangkan PeKa B40 akan bermula sebagai projek perintis, ianya tidak akan melibatkan hospital universiti. Struktur fi dan proses pengurusan pentadbiran hospital universiti juga berbeza dengan hospital KKM. Sekiranya PeKa B40 akan diperluaskan di masa depan, maka penglibatan hospital universiti akan dikaji/dipertimbangkan.

11.	<p>Apakah usaha-usaha yang akan dilakukan oleh PeKa B40 bagi menggalakkan penerima hadir untuk menjalani saringan?</p> <p>Antara usaha yang akan dijalankan adalah :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menjalankan promosi yang komprehensif melalui pelbagai kaedah/saluran iaitu media cetak, media elektronik dan media sosial di peringkat nasional mahupun negeri. • Melekatkan poster dan edaran risalah di tempat awam seperti di hospital dan klinik kesihatan KKM, UTC, RTC dan sebagainya. • Menjalankan kerjasama erat dengan Jabatan Kesihatan Negeri, Exco Kesihatan Negeri, ADUN dan pihak –pihak yang berkepentingan di peringkat negeri bagi menggalak dan mengenalpasti penerima hadir menjalani saringan. • Bekerjasama erat dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs) untuk mengadakan program outreach kepada komuniti sasaran. • Bekerjasama dengan agensi awam dan rakan korporat untuk menggalakkan penerima membuat saringan kesihatan. • Maklumat yang relevan akan dikongsi di peringkat negeri bagi membolehkan pihak berkuasa di negeri seperti ADUN untuk mempromosikan PeKa B40 kepada penerima di kawasan mereka. • Memantau dengan rapi aktiviti promosi PeKa B40 dan mempergiatkan usaha terutamanya bagi negeri/kawasan yang kurang kehadiran penerima PeKa B40 ke aktiviti saringan kesihatan.
12.	<p>Apakah indikator-indikator yang dipantau dan dinilai untuk memantau kejayaan dan menilai keberkesanan PeKa B40?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pelaksanaan PeKa B40 oleh PHCorp adalah dipantau oleh pelbagai agensi Kerajaan termasuk KKM sendiri. • Antara indikator penilaian untuk memastikan PeKa B40 mencapai objektifnya adalah : <ul style="list-style-type: none"> i. Peratus penerima PeKa B40 yang disaring; ii. Peratus penerima PeKa B40 yang baru didiagnos penyakit NCD; dan iii. Peratus peruntukan yang dibelanjakan untuk PeKa B40 • Antara agensi-agensi luar KKM yang memantau adalah Jabatan Audit Negara, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan Kementerian Kewangan.

Manfaat 1 : Bantuan Saringan Kesihatan	
1.	<p>Apakah syarat kelayakan?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penerima Bantuan Sara Hidup Rakyat (BSH) dan pasangannya yang berdaftar pada tahun 2019 . • Berumur 50 tahun dan ke atas.
2.	<p>Apakah yang diperlukan untuk menjalankan saringan kesihatan?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Hanya perlu membawa MyKad • Tiada pendaftaran lebih awal diperlukan • Tiada bayaran dikenakan • Tidak perlu berpuasa
3.	<p>Bolehkah penerima yang sama membuat lebih daripada 1 saringan?</p>

	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak. Saringan hanya boleh dibuat sekali sahaja untuk setiap penerima yang layak selagi peruntukan mencukupi. • Setelah menjalankan saringan semasa lawatan pertama, maklumat penerima telahpun direkodkan. Sampel darah serta air kencing akan dihantar ke makmal swasta untuk dilakukan ujian yang ditetapkan. • Sekiranya penerima PeKa B40 pergi ke klinik yang lain untuk menjalankan saringan sekali lagi, proses tersebut tidak akan dapat diteruskan berdasarkan rekod sedia ada.
4.	<p>Di manakah saringan kesihatan boleh dilakukan?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Di mana-mana klinik swasta yang berdaftar dengan PeKa B40 dan mempunyai pelekat PeKa B40 di pintu klinik. • Senarai Klinik PeKa B40 boleh dirujuk di www.pekab40.com.my bermula April 2019. • Di mana-mana Klinik Kesihatan Kerajaan.
5.	<p>Apakah senarai saringan kesihatan yang akan dilakukan?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pemeriksaan kesihatan : <ul style="list-style-type: none"> i. pengambilan sejarah kesihatan dan penyakit individu dan keluarga termasuk faktor risiko kesihatan. ii. pemeriksaan fizikal iii. saringan kesihatan mental iv. pemeriksaan klinikal payudara untuk penerima wanita, dan pemeriksaan klinikal prostat untuk penerima lelaki yang berisiko tinggi • Pemeriksaan makmal : <ul style="list-style-type: none"> i. ujian sel darah ii. ujian kawalan gula dalam darah iii. ujian paras kolesterol iv. ujian air kencing v. ujian fungsi buah pinggang
6.	<p>Bagaimakah keputusan saringan diperolehi?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Untuk penerima yang telah menjalankan Saringan Kesihatan, mereka akan diberi tarikh untuk lawatan susulan (kedua). • Keputusan saringan kesihatan akan dimaklumkan oleh doktor pada lawatan kedua. Sekiranya rawatan atau pemeriksaan lanjut diperlukan, doktor swasta akan merujuk penerima ke Klinik Kesihatan atau Hospital Kementerian Kesihatan yang relevan dan terdekat. Surat rujukan akan dikeluarkan oleh klinik swasta untuk dibawa ke fasiliti KKM.
7.	<p>Berdasarkan saringan kesihatan, penerima dikesan menghidap NCD dan perlu dirujuk ke hospital KKM oleh pengamal perubatan swasta. Adakah penerima akan dikenakan caj rawatan kelas pertama?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kelulusan oleh Kementerian Kewangan telah diberi agar penerima PeKa B40 diberi pengecualian untuk tidak dikenakan caj rawatan kelas pertama.

	<p>8. Bolehkah penerima menjalankan ujian saringan di mana-mana klinik swasta dan kerajaan pilihan mereka walaupun di daerah yang berlainan?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ya. Saringan kesihatan boleh dijalankan di mana-mana klinik swasta yang berdaftar dengan PeKa B40 dan mempunyai pelekat PeKa B40 di pintu klinik. • Senarai Klinik PeKa B40 boleh dirujuk di www.pekab40.com.my bermula Mac 2019. • Di mana-mana Klinik Kesihatan Kerajaan.
--	--

Manfaat 2 : Bantuan Alat Perubatan	
1.	<p>Apakah syarat kelayakan untuk mendapat penerima PeKa B40 mendapat Manfaat 2 : Bantuan Alat Perubatan?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Telah melakukan saringan kesihatan (Manfaat 1). • Hanya menerima rawatan di hospital KKM sahaja. • Disahkan keperluan oleh doktor KKM yang merawat. • Alat perubatan yang dipohon tersenarai dalam 10 kategori dalam skim PeKa B40
2.	<p>Bagaimana cara untuk memohon bantuan alat perubatan?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Permohonan Bantuan Alat Perubatan adalah melalui Jabatan Kerja Sosial Perubatan di Hospital Kementerian Kesihatan sahaja. • Pegawai Perubatan atau pakar yang merawat penerima PeKa B40 akan membuat rujukan kepada Pegawai Kerja Sosial Perubatan untuk proses permohonan dan untuk mengesahkan apakah peralatan perubatan yang memerlukan bantuan.
3.	<p>Apakah Bantuan Alat Perubatan yang ditawarkan?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Terdapat 10 jenis kategori Bantuan Alat Perubatan yang ditawarkan berdasarkan pengesahan oleh pakar di hospital KKM: <ul style="list-style-type: none"> i. <i>Stent</i> untuk jantung ii. Alat sendi tiruan iii. Alat bantuan pendengaran iv. Perentak jantung v. Prostesis dan implan untuk tulang belakang vi. Prostesis dan ortosis tulang anggota vii. Kanta mata intraokular viii. Alat terapi pernafasan dan <i>oxygen concentrator</i> ix. Bantuan sokongan nutrisi x. Kerusi roda • Had maksima kos Bantuan Alat Perubatan yang dapat dibiayai oleh PeKa B40 adalah RM20,000 (seumur hidup).
4.	<p>Apakah yang akan berlaku sekiranya kos alat perubatan yang dipohon kurang daripada RM20,000?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Selama PeKa B40 dilaksanakan oleh Kerajaan, penerima boleh memohon pelbagai bantuan alat perubatan di dalam senarai yang dikenalpasti, selagi jumlah RM20,000 masih ada. Umpamanya, seorang penerima yang telah mendapat bantuan manfaat 2 untuk kanta mata intraokular masih boleh memohon bantuan manfaat 2 yang sama untuk <i>stent</i> jantung pada masa yang berlainan (asalkan tidak melebihi had maksimum RM20,000).
5.	<p>Adakah ahli keluarga juga boleh memohon untuk manfaat bantuan alat perubatan ini?</p>

	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak. PeKa B40 hanya layak kepada Penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) dan pasangannya, yang berumur 50 tahun ke atas sahaja. Ianya tidak boleh dipanjangkan kepada ahli keluarga yang lain.
--	--

Manfaat 3 : Insentif Melengkapkan Rawatan Kanser	
1.	<p>Apakah syarat kelayakan untuk penerima PeKa B40 mendapat Manfaat 3 : Insentif Melengkapkan Rawatan Kanser?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Telah melakukan saringan kesihatan (Manfaat 1) • Dirawat di hospital KKM sahaja. • Permohonan mesti dilakukan oleh doktor KKM sahaja.
2.	<p>Apakah jenis kanser yang layak untuk mendapat insentif ini?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Semua jenis kanser, termasuk kes kanser berulang dan yang sedang menjalani rawatan. • Tidak termasuk kes kanser yang telah lepas/sembuh, telah tamat rawatannya dan yang tidak memerlukan rawatan. <p>Memerlukan permohonan, maklumbalas dan pengesahan doktor atau pakar perubatan yang merawat di hospital KKM sahaja.</p>
3.	<p>Berapakah nilai insentif yang diberikan?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jumlah insentif adalah sebanyak RM1,000 untuk menggalakkan pesakit melengkapkan rawatan kuratif di hospital Kementerian Kesihatan seperti mana saranan doktor yang merawat. • Tidak merangkumi rawatan tradisional dan alternatif. • Akan diberikan dalam dua (2) peringkat: <ul style="list-style-type: none"> ○ Peringkat pertama - RM300, apabila permohonan diterima daripada hospital KKM mengikut proses yang ditetapkan. ○ Peringkat kedua - RM700, setelah penerima manfaat tamat pelan rawatan kanser seperti yang disahkan oleh doktor yang merawat.
4.	<p>Siapakah yang akan membantu dalam memproses permohonan insentif ini?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sekiranya penerima PeKa B40 menghidap kanser dan masih dalam rawatan, doktor atau pakar perubatan yang merawat akan membuat permohonan bagi pihak penerima dan insentif peringkat pertama sebanyak RM300 akan dikreditkan terus ke dalam akaun penerima seperti mana proses Bantuan Sara Hidup (BSH) juga. • Setelah rawatan kanser tamat, penerima manfaat akan memperolehi bayaran insentif peringkat kedua sebanyak RM700 yang juga akan dikreditkan secara terus ke dalam akaun penerima.
5.	<p>Jika tidak melengkapkan rawatan kanser sepenuhnya, bolehkah mendapat insentif ini?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penerima PeKa B40 yang memohon insentif ini melalui doktor atau pakar perubatan yang merawat akan mendapat insentif peringkat pertama sebanyak RM300. • Namun, insentif peringkat kedua (RM700) hanya akan diberikan setelah lengkap pelan rawatan seperti yang disahkan oleh doktor atau pakar perubatan yang merawat.

6.	<p>Sekiranya penerima PeKa B40 sedang menerima rawatan kanser sekarang ini, adakah boleh memohon untuk manfaat 3 ini?</p> <ul style="list-style-type: none"> Ya. Penerima PeKa B40 yang sedang dirawat untuk kanser boleh memohon manfaat ini. Namun saringan kesihatan masih perlu dijalankan dan/atau keputusan saringan dimasukkan ke dalam pangkalan data PeKa B40. Jika saringan kesihatan belum dijalankan, doktor atau pakar perubatan di hospital akan menasihati bagaimana untuk melakukan saringan kesihatan.
7.	<p>Bagaimana penerima akan memperolehi wang insentif tersebut?</p> <ul style="list-style-type: none"> Wang insentif tersebut akan dikreditkan secara terus kepada akaun bank yang telah didaftarkan untuk Bantuan Sara Hidup (BSH). Pastikan penerima PeKa B40 memberi nombor akaun yang tepat dalam pangkalan data BSH.
8.	<p>Adakah insentif untuk penerima boleh dituntut oleh waris jika penerima gagal meneruskan rawatan (meninggal dunia) pada bila-bila masa selepas saringan dijalankan.</p> <ul style="list-style-type: none"> Tidak. Insentif Melengkapkan Rawatan Kanser ini hanya diberikan jika penerima masih hidup sahaja dan tidak boleh dituntut oleh waris. Walau bagaimanapun, di bawah BSH terdapat Skim Khairat Kematian yang boleh dituntut oleh waris penerima BSH (kategori isi rumah dan warga emas) berjumlah RM 1,000 mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh LHDN.

Manfaat 4 : Insentif Tambang Pengangkutan	
1.	<p>Apakah syarat kelayakan untuk Penerima PeKa B40 mendapat Manfaat 4: Insentif Tambang Pengangkutan?</p> <ul style="list-style-type: none"> Hanya penerima PeKa B40 yang mendapat Manfaat (2) Bantuan Alat Perubatan atau Manfaat (3) Insentif Melengkapkan Rawatan Kanser sahaja yang layak secara automatik. Telah melakukan saringan kesihatan (Manfaat 1) Hanya melibatkan Hospital KKM sahaja dan diberi untuk membantu menampung kos perjalanan bagi urusan rawatan sahaja. Penerima belum menggunakan kesemua insentif yang diberikan. Selagi peruntukan untuk PeKa B40 masih ada.
2.	<p>Bagaimakah bentuk insentif tambang pengangkutan ini?</p> <ul style="list-style-type: none"> Insentif tambang pengangkutan akan diberikan bagi perjalanan pergi dan balik untuk rawatan kanser dan rawatan untuk menggunakan/memasukkan alat bantuan perubatan di Hospital KKM mengikut tarikh temujanji yang ditetapkan.
3.	<p>Berapakah nilai insentif tambang yang diberikan?</p> <ul style="list-style-type: none"> Nilai insentif adalah bergantung kepada jumlah jarak rumah pesakit dengan hospital. Had maksimum adalah sebanyak RM500 (Semenanjung) dan RM1,000 (Sabah dan Sarawak).
4.	<p>Bagaimana untuk membuat permohonan insentif tersebut?</p> <ul style="list-style-type: none"> Permohonan boleh dibuat melalui pegawai kerja sosial perubatan bila melibatkan manfaat 2 (bantuan alat perubatan) ataupun melalui doktor yang merawat penyakit kanser di hospital iaitu bila melibatkan manfaat 3.

5.	Apakah yang akan berlaku jika pesakit tidak datang ke hospital? <ul style="list-style-type: none"> • Insentif ini bertujuan untuk menggalakkan pesakit datang ke hospital bagi mendapat atau melengkapkan rawatan. Jika pesakit tidak datang untuk rawatan, pesakit tidak akan mendapat insentif tambang pengangkutan ini untuk rawatan seterusnya.
6.	Adakah insentif ini dibayar bagi perjalanan pergi dan balik? <ul style="list-style-type: none"> • Ya, insentif ini dikira dan dibayar bagi perjalanan 2 hala iaitu dari rumah pergi ke Hospital dan seterusnya dari hospital pulang ke rumah mengikut kadar dan syarat yang ditetapkan oleh PeKa B40.
7.	Bagaimanakah pembayaran insentif tambang pengangkutan dibuat? <ul style="list-style-type: none"> • Setelah permohonan untuk insentif tambang pengangkutan dibuat oleh Pegawai Kerja Sosial Perubatan atau Pegawai Perubatan yang merawat, sistem akan mengira jumlah insentif berdasarkan jarak yang telah ditentukan. • Bayaran akan dibuat untuk perjalanan pergi dan balik mengikut tarikh-tarikh temujanji rawatan di hospital. • Sebagai contoh, jika pengiraan bayaran adalah RM10 untuk satu perjalanan, maka pesakit akan layak untuk mendapat RM20 (bersamaan perjalanan pergi dan balik). • Insentif tambang ini akan terus dimasukkan ke dalam akaun bank penerima sebelum rawatan susulan akan datang.

Pengamal Perubatan Swasta	
1.	Bagaimanakah caranya pengamal perubatan swasta yang berminat, boleh menyertai skim ini? <ul style="list-style-type: none"> • Penyertaan Pengamal perubatan adalah secara SUKARELA. • Para pengamal perubatan boleh mendaftar secara atas talian di www.pekab40.com.my bermula Mac 2019. • Dokumen yang perlu dimuatnaik adalah : <ol style="list-style-type: none"> 1. Annual Practicing Certificate (APC) of PIC 2. MMC certificate of PIC 3. Borang Perakuan Pendaftaran (Borang B/F) bagi Klinik 4. Maklumat berkaitan Bank/Penyata Bank 5. Declaration of Acceptance of LOA - Sekiranya ada pelanggaran syarat-syarat sebagai Klinik PeKa B40, maka perkhidmatan oleh pengamal perubatan swasta tersebut akan ditamatkan.
2.	Berapakah kadar bayaran dan bagaimanakah pengamal perubatan swasta akan dibayar? <ul style="list-style-type: none"> • Pembayaran kepada pengamal perubatan swasta adalah berdasarkan Jadual Ketujuh, Peraturan-Peraturan Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Klinik Perubatan Swasta Atau Klinik Pergigian Swasta) 2006, Akta 586 dan tertakluk kepada jumlah dana yang telahpun diperuntukkan oleh Kerajaan. • Pengamal perubatan yang terlibat tidak perlu membayar sebarang yuran pendaftaran atau berkongsi yuran (<i>fee splitting</i>) yang dibayar untuk perkhidmatan saringan kesihatan yang dijalankan di bawah PeKa B40. • Kadar bayaran adalah : <ul style="list-style-type: none"> - Lawatan Pertama : RM 40 – Dibayar terus kepada klinik - Lawatan Kedua : RM 20 – Dibayar terus kepada klinik

	<ul style="list-style-type: none"> • Pembayaran akan dilakukan sebanyak dua kali setiap bulan oleh ProtectHealth. • Ujian makmal telah ditetapkan dan akan dibayar terus oleh ProtectHealth kepada makmal swasta. Tidak boleh berlaku sebarang bayaran atau perkongsian bayaran (<i>fee splitting</i>) di antara klinik dan makmal swasta.
3.	<p>Apakah syarat-syarat untuk pengamal perubatan swasta berdaftar sebagai Klinik PeKa B40?</p> <p>5 kriteria Klinik PeKa B40 :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Klinik mestilah mempunyai Borang B atau F – Perakuan untuk Menubuhkan / Menyelenggarakan / Mengendalikan / Menyediakan Klinik Perubatan Swasta 2. Pengamal Perubatan Swasta mestilah berdaftar dengan Malaysia Medical Council (MMC). 3. Pengamal Perubatan Swasta mestilah mempunyai sijil <i>Annual Practicing Certificate (APC)</i> yang sah (bagi setiap doktor). 4. Klinik dan/atau pengamal perubatan mestilah bukan di dalam penyiasatan aktif di bawah mana-mana peraturan/ undang- undang berkenaan fasiliti perubatan atau pengamal perubatan. <ul style="list-style-type: none"> • Sekiranya ada penyiasatan aktif, klinik dan/atau pengamal perubatan akan dibenarkan untuk memohon dan dipertimbangkan, setelah penyiasatan selesai. 5. Klinik hendaklah mempunyai kemudahan telefon, internet, komputer, mesin pengimbas (<i>scanner</i>) dan mesin pencetak (<i>printer</i>).
4.	<p>Apakah yang perlu dilakukan oleh pengamal perubatan swasta yang berdaftar sebagai Klinik PeKa B40?</p> <p>Konsultasi oleh pengamal perubatan swasta adalah :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Lawatan Pertama: Sejarah pesakit berstruktur, pemeriksaan fizikal dan ujian darah & air kencing; <p>a. Sejarah Pesakit :</p> <ol style="list-style-type: none"> i. <i>Past Medical & Surgical History</i> ii. <i>Drug / Food Allergy History</i> iii. <i>Family History</i> iv. <i>Social History</i> v. <i>Screening symptoms and Risk factors for NCDs</i> vi. <i>Screening symptoms for mental health - Depression Anxiety Stress Scale</i> <p>b. Pemeriksaan Fizikal :</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Berat, Tinggi, <i>BMI</i> (pengiraan automatik); ii. <i>Waist circumference, Hip circumference, Waist-hip ratio</i> (pengiraan automatik) iii. <i>Vital signs</i> iv. <i>General Examination</i> v. <i>Respiratory System Examination</i> vi. <i>Cardiovascular System Examination</i> vii. <i>Abdominal System Examination</i> viii. <i>Clinical Breast Examination (CBE)</i> ix. <i>Digital Rectal Examination (DRE)</i> **jika ada indikasi <p>c. Pengambilan spesimen untuk ujian makmal :</p> <ol style="list-style-type: none"> i. <i>Full Blood Count</i>

	<ul style="list-style-type: none"> ii. <i>Renal Profile with estimated glomerular filtration rate (eGFR)</i> iii. <i>HbA1c</i> iv. <i>Random Lipid Profile</i> v. <i>Urine Biochemistry</i> <ul style="list-style-type: none"> • Lawatan ke dua : <p>Sekiranya keputusan normal :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Memberi nasihat kesihatan. ii. Menyarankan penerima mengunjungi Wellnes Hub KKM dengan menyerahkan Ringkasan Ujian Saringan dan Senarai Wellness Hub yang boleh dijana daripada sistem PeKa B40 kepada penerima PeKa B40. <p>Sekiranya keputusan abnormal :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Memberi nasihat kesihatan. ii. Merujuk pesakit kepada KK atau Hospital KKM yang berdekatan atau Klinik Swasta Panel dengan menggunakan Surat Rujukan PeKa B40 yang boleh dijana daripada sistem PeKa B40.
5.	<p>Apakah mekanisme yang akan digunakan oleh pengamal perubatan swasta untuk merujuk penerima PeKa B40 ke klinik kesihatan atau hospital KKM jika keputusan saringan adalah abnormal /memerlukan rawatan susulan?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pesakit boleh dirujuk ke KK atau Hospital KKM yang berdekatan menggunakan Surat Rujukan PeKa B40 yang boleh dijana daripada sistem PeKa B40.
6.	<p>Apakah manfaat atau kelebihan kepada pengamal perubatan swasta yang menyertai PeKa B40?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dapat membantu golongan yang berpendapatan rendah atau B40. • Berpotensi untuk mendapat klien baru. • Tiada penglibatan MCO/ TPA • Tiada sebarang yuran pendaftaran atau <i>retainer fee</i> • Tiada <i>fee-splitting</i> antara makmal dan pengamal perubatan swasta • Tidak perlu membeli sistem IT khas. • Tidak perlu membayar apa-apa kepada makmal. <i>Consumables</i> akan disediakan oleh pihak makmal yang berdaftar. • Spesimen akan dikumpul /diambil oleh makmal swasta yang berdaftar.
7.	<p>Apakah yang boleh dan tidak boleh dilakukan oleh pengamal perubatan swasta yang berdaftar sebagai Klinik PeKa B40?</p> <p>Pengamal perubatan swasta boleh :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengiklankan program PeKa B40 sebagai kempen kesedaran am. • Menyertai mana-mana kempen PeKa B40 yang dianjurkan oleh KKM jika sudi. • Menyenaraikan nama klinik di laman web PeKa B40 (bagi yang berdaftar sahaja). <p>Pengamal perubatan swasta tidak boleh :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengiklankan klinik untuk tujuan promosi PeKa B40. • Menghantar spesimen darah dan air kencing ke makmal selain pilihan makmal yang berdaftar dengan PeKa B40. • Mengenakan bayaran tambahan kepada penerima PeKa B40 untuk perkhidmatan yang telah ditetapkan di dalam pakej PeKa B40.

	<p>8. Apakah prosedur untuk pendaftaran Klinik Rangkaian (<i>Chain Clinic</i>) yang bermintat untuk menjadi Klinik PeKa B40?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bagi Klinik Rangkaian (<i>Chain Clinic</i>), setiap cawangan klinik mesti mendaftar secara berasingan dan emelkan senarai Klinik Cawangan serta Klinik Induk kepada ProtectHealth untuk dimasukkan ke dalam sistem. • Pembayaran boleh diberi kepada Klinik Induk sekiranya Klinik Cawangan memberi nombor akaun bank yang sama.
--	---

Soalan berkaitan ProtectHealth Corporation Sdn Bhd (ProtectHealth)	
<p>1. Siapakah ProtectHealth Corporation Sdn Bhd (ProtectHealth)?</p>	<ul style="list-style-type: none"> • ProtectHealth Corporation Sdn Bhd (ProtectHealth) adalah anak syarikat milik penuh ProtectHealth Malaysia, yang ditubuhkan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 19 Disember 2016. • Sebagai sebuah syarikat yang tidak berdasarkan keuntungan, ProtectHealth menyelaras, mentadbir dan menguruskan inisiatif yang berkaitan dengan pembiayaan perkhidmatan penjagaan kesihatan sepetimana diamanahkan oleh KKM. • Atas mandat yang diberikan oleh Kerajaan, pelaksanaan PeKa B40 diuruskan sepenuhnya oleh ProtectHealth. • ProtectHealth adalah 100% syarikat milik Kerajaan (Government Own Company-GOC), yang tidak berdasarkan keuntungan. Ia ditubuhkan di bawah KKM dengan agenda murni berikut: <ul style="list-style-type: none"> i. Menjadi peneraju dalam memperkenalkan mekanisma pembiayaan kesihatan yang inovatif dalam usaha meningkatkan akses, menambah nilai dan keberkesanan penjagaan kesihatan untuk Malaysia, ii. Mewujudkan pasaran yang sihat dan kompetitif untuk mekanisma pembiayaan kesihatan dengan beroperasi sebagai organisasi yang cekap dan efisien, serta menjadi penanda aras kepada lain-lain syarikat tempatan dengan fungsi yang sama, iii. Melaksanakan mekanisma dan sumber pembiayaan kesihatan yang saksama, efektif dan efisien sebagai tambahan kepada mekanisma dan sumber pembiayaan Kerajaan agar perkhidmatan kesihatan yang kukuh untuk komuniti dapat dilestarikan, iv. Meluaskan akses perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti dengan meningkatkan penggunaan ekosistem pembekal awam-swasta. <p>Maklumat lanjut berkaitan ProtectHealth boleh dirujuk di www.protecthealth.com.my.</p>
<p>2. Adakah ProtectHealth sebuah Managed Care Organization (MCO) atau Third Party Administrator (TPA)?</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak. ProtectHealth bukan MCO atau TPA.

	<ul style="list-style-type: none"> Atas mandat yang diberikan oleh Kerajaan, pelaksanaan PeKa B40 diuruskan sepenuhnya oleh ProtectHealth sebagai pemegang dana (<i>funder holder</i>) kepada PeKa B40. Tiada sebarang kontrak yang wujud di antara ProtectHealth dan KKM kerana ProtectHealth adalah terus di bawah KKM (<i>extension of MOH</i>) dan sebagaimana arahan Kementerian Kewangan, ProtectHealth telah ditubuhkan sebagai <i>Special Purpose Vehicle (SPV)</i> di bawah KKM.
3.	<p>Daripada RM100 juta yang diperuntukkan untuk PeKa B40, berapakah jumlah yang digunakan untuk penubuhan ProtectHealth?</p> <ul style="list-style-type: none"> ProtectHealth telah ditubuhkan oleh KKM pada 19 Disember 2016. Oleh itu penubuhannya tiada kaitan dengan peruntukan RM100 juta yang diluluskan untuk PeKa B40 semasa pembentangan Belanjawan 2019 pada 2 Nov 2019.
4.	<p>Siapakah kakitangan ProtectHealth?</p> <ul style="list-style-type: none"> Kakitangan ProtectHealth terdiri daripada pegawai-pegawai eksekutif daripada pelbagai disiplin dan diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif yang mempunyai kepakaran dan pengalaman luas dalam bidang pengoperasian insurans dan takaful termasuk pembiayaan penjagaan kesihatan. ProtectHealth juga turut dianggotai oleh pegawai-pegawai daripada KKM yang mempunyai latar belakang perubatan dan pembiayaan kesihatan untuk berkongsi ilmu, menjalani latihan dan menimba serta berkongsi pengalaman sebagaimana program <i>cross-fertilisation</i> sedia ada di dalam Kerajaan.
5.	<p>Bagaimakah ProtectHealth akan memastikan kerahsiaan data penerima PeKa B40 agar tidak disalahgunakan?</p> <ul style="list-style-type: none"> KKM dan ProtectHealth menyedari keperluan untuk menguruskan pengendalian data pesakit dengan baik. Sebarang perkongsian data pesakit hanyalah dengan persetujuan pesakit. Pegawai undang-undang ProtectHealth telah berbincang rapat dengan penasihat undang-undang PDPA di Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, dan penasihat undang-undang KKM dalam menyediakan borang persetujuan pesakit yang perlu ditandatangani oleh setiap pesakit ketika lawatan pertama di Klinik PeKa B40. Ini membolehkan data dikongsi antara Klinik PeKa B40, Rakan Makmal PeKa B40 dan ProtectHealth. Kebenaran itu juga akan membolehkan PHCorp dan KKM melakukan analisa profil pesakit bagi tujuan rawatan pesakit yang lebih baik di masa depan.

Soalan berkaitan Klinik Kesihatan	
1.	<p>Apakah perbezaan di antara saringan kesihatan yang ditawarkan oleh PeKa B40 dan saringan kesihatan sedia ada yang ditawarkan oleh Klinik Kesihatan (KK) KKM?</p> <ul style="list-style-type: none"> Penerima PeKa B40 yang menjalankan saringan kesihatan PeKa B40 layak untuk mendapat manfaat seterusnya iaitu Manfaat 2(Bantuan Alat Perubatan), Manfaat 3 (Insentif Melengkapkan Rawatan Kanser) dan Manfaat 4 (Insentif Tambang Pengangkutan).

	<ul style="list-style-type: none"> Kumpulan sasar bagi saringan PeKa B40 adalah penerima BSH dan pasangannya yang berdaftar, berumur 50 tahun dan ke atas. Saringan PeKa B40 menjurus kepada pengesanan penyakit NCD termasuk penyakit mental menggunakan borang saringan PeKa B40 (online/manual) yang perlu dilakukan oleh doktor.
2.	<p>Adakah akan diwujudkan laluan khas untuk penerima PeKa B40 yang hadir untuk melakukan saringan kesihatan di Klinik Kesihatan ?</p> <ul style="list-style-type: none"> Tiada laluan khusus untuk penerima PeKa B40 dan menggunakan laluan sedia ada. Jika penerima PeKa B40 adalah termasuk dalam golongan yang diberi keutamaan seperti warga emas, pesara kerajaan, OKU dan penderma darah, mereka boleh menggunakan laluan R-Lane.
3.	<p>Siapakah yang akan memantau atau mengesan ‘defaulter’ di kalangan penerima PeKa B40 yang sepatutnya hadir mendapatkan rawatan di KK namun tidak hadir?</p> <ul style="list-style-type: none"> ProtectHealth akan memantau dan mengesan ‘defaulter’ yang tidak hadir mendapatkan rawatan di KK.
4.	<p>Bagi penerima yang mendapat keputusan ujian saringan (normal), apakah tindakan lanjut yang perlu dilakukan oleh KK?</p> <ul style="list-style-type: none"> Bagi penerima yang mendapat keputusan ujian saringan yang normal, KK boleh memberikan pendidikan kesihatan untuk mengamalkan cara hidup sihat (<i>healthy life style</i>). ProtectHealth juga akan menyarankan penerima mengikuti program-program intervensi kesihatan yang sewajarnya.
5.	<p>Di manakah spesimen darah dan air kencing penerima PeKa B40 dihantar untuk ujian lanjut sekiranya saringan dilakukan di KK?</p> <ul style="list-style-type: none"> Semua KK boleh menghantar spesimen skim PeKa B40 boleh dihantar ke makmal swasta yang telah berdaftar dengan PeKa B40. Semua spesimen akan dipungut dan diuji oleh makmal swasta mengikut SOP yang telah ditetapkan di bawah PeKa B40. Pihak KK atau KKM tidak perlu membayar apa-apa kepada makmal swasta. Keputusan ujian makmal akan dihantar kepada KK melalui sistem PeKa (Benefit Management System-BMS) dan dokumen fizikal (<i>hardcopy</i>) dalam tempoh 3 hari bekerja.
MAKMAL SWASTA	
1.	<p>Bagaimanakah caranya bagi makmal swasta yang berminat menyertai skim ini?</p> <ul style="list-style-type: none"> Makmal swasta yang berminat boleh membuat permohonan secara bertulis kepada ProtectHealth (melalui emel) dengan menyertakan bersama Sijil Akreditasi.
2.	<p>Apakah syarat untuk makmal swasta berdaftar sebagai Rakan Makmal PeKa B40?</p> <ul style="list-style-type: none"> Makmal swasta yang berdaftar dengan ProtectHealth mesti mempunyai akreditasi penuh MS ISO 15189 di bawah <i>Skim Akreditasi Makmal Malaysia</i> oleh Standards Malaysia.
3.	<p>Apakah ujian makmal yang dijalankan untuk PeKa B40?</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Full Blood Count</i>

	<p>2. <i>Renal Profile with estimated glomerular filtration rate (eGFR)</i> 3. <i>HbA1c</i> 4. <i>Random Lipid Profile</i> 5. <i>Urine Biochemistry</i></p>
4.	<p>Berapakah kadar bayaran untuk makmal swasta?</p> <ul style="list-style-type: none"> Kadar bayaran adalah : <ul style="list-style-type: none"> - Semenanjung Malaysia : RM 30 (setiap pakej ujian) - Sabah & Sarawak & Labuan : RM 32 (setiap pakej ujian)

Soalan berkaitan PeKa B40 vs MySalam									
1.	<p>Apakah persamaan dan perbezaan di antara PeKa B40 dan MySalam?</p> <ul style="list-style-type: none"> Persamaan : Berkongsi prinsip sosial yang sama iaitu memperluaskan akses kepada perkhidmatan kesihatan yang diperlukan, mengurangkan beban kos sara hidup dan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Perbezaan : <table border="1"> <thead> <tr> <th>PeKa B40</th> <th>MySalam</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td> <u>Penerima Manfaat</u> Ditawarkan kepada : <ul style="list-style-type: none"> Penerima BSH dan pasangannya yang berdaftar. Berumur 50 tahun dan ke atas. </td> <td> <u>Penerima Manfaat</u> <ul style="list-style-type: none"> Ditawarkan kepada penerima BSH yang berumur 18 hingga 55 tahun. </td> </tr> <tr> <td> Manfaat : <ol style="list-style-type: none"> Saringan Kesihatan Bantuan Alat Perubatan Insetif Melengkapkan Rawatan Kanser Insetif Tambang Pengangkutan </td> <td> Manfaat : <ol style="list-style-type: none"> Bayaran kepada penerima manfaat jika disahkan menghidap salah satu daripada 36 penyakit kritikal. Pendapatan gantian harian semasa rawatan hospital. </td> </tr> <tr> <td>Dikendalikan oleh Kementerian Kesihatan</td> <td>Dikendalikan oleh Kementerian Kewangan.</td> </tr> </tbody> </table> 	PeKa B40	MySalam	<u>Penerima Manfaat</u> Ditawarkan kepada : <ul style="list-style-type: none"> Penerima BSH dan pasangannya yang berdaftar. Berumur 50 tahun dan ke atas. 	<u>Penerima Manfaat</u> <ul style="list-style-type: none"> Ditawarkan kepada penerima BSH yang berumur 18 hingga 55 tahun. 	Manfaat : <ol style="list-style-type: none"> Saringan Kesihatan Bantuan Alat Perubatan Insetif Melengkapkan Rawatan Kanser Insetif Tambang Pengangkutan 	Manfaat : <ol style="list-style-type: none"> Bayaran kepada penerima manfaat jika disahkan menghidap salah satu daripada 36 penyakit kritikal. Pendapatan gantian harian semasa rawatan hospital. 	Dikendalikan oleh Kementerian Kesihatan	Dikendalikan oleh Kementerian Kewangan.
PeKa B40	MySalam								
<u>Penerima Manfaat</u> Ditawarkan kepada : <ul style="list-style-type: none"> Penerima BSH dan pasangannya yang berdaftar. Berumur 50 tahun dan ke atas. 	<u>Penerima Manfaat</u> <ul style="list-style-type: none"> Ditawarkan kepada penerima BSH yang berumur 18 hingga 55 tahun. 								
Manfaat : <ol style="list-style-type: none"> Saringan Kesihatan Bantuan Alat Perubatan Insetif Melengkapkan Rawatan Kanser Insetif Tambang Pengangkutan 	Manfaat : <ol style="list-style-type: none"> Bayaran kepada penerima manfaat jika disahkan menghidap salah satu daripada 36 penyakit kritikal. Pendapatan gantian harian semasa rawatan hospital. 								
Dikendalikan oleh Kementerian Kesihatan	Dikendalikan oleh Kementerian Kewangan.								